

# Terowong SMART **SMART** urus banjir, lalu lintas

BA 10/6/06

Projek menelan kos RM1.9 bilion dan membabitkan lencongan terowong 9.7 kilometer

Oleh Badrul Hizar Ab Jabar

**S**EJAK kebelakangan ini, kejadian banjir di bandar raya Kuala Lumpur semakin buruk akibat pembangunan pesat dalam kawasan tadahan, penurunan kapasiti sungai iaitu Sungai Klang dan kawasan yang terhad untuk melaksanakan kerja pembaikan sungai.

Pembangunan di kawasan Sungai Klang dikatakan sudah jauh melebihi unjuran dalam perancangan asal bandar Kuala Lumpur, sekali gus bermakna Sungai Klang sudah tidak mampu untuk menyalurkan air melaluinya.

Selain itu, kawasan di Jalan Ampang dan Jalan Melaka, termasuk kawasan komersial sekitarnya sering dilanda banjir kilat akibat limpahan air dari Sungai Klang. Kejadian ini juga disebabkan Sungai Klang yang semakin 'mengecil' di kawasan terbabit seperti di sebelah Bangunan Bumiputera-Commerce Berhad dan Bangunan Standard Chartered Bank serta halangan aliran seperti di platform LRT berhampiran Masjid Jamek.

Dalam tempoh lima tahun lalu, banjir kilat serius dilaporkan berlaku sebanyak tiga kali iaitu pada 26 April 2001, 29 Oktober 2001 dan 11 Jun 2002, manakala pada 10 Jun 2003, pusat bandar raya Kuala Lumpur sekali lagi dilanda banjir kilat.

Disebabkan halangan yang ada, sebarang cadangan kerja bagi melebar dan meningkatkan keupayaan Sungai Klang memerlukan kos ting-

gi, termasuk merobohkan bangunan yang disifatkan menghalang 'aluan' air, selain membabitkan pengambilan tanah.


Menyedari keperluan mengatasi banjir kilat di bandar raya begitu mendesak, kerajaan melaksanakan Projek Pembinaan Terowong Pengurusan Air Banjir dan Lalu Lintas (SMART) atau 'Flood Bypass' untuk melencongkan air banjir.

Projek SMART membabitkan pemindahan air larian banjir dari kawasan tadahan di Kuala Sungai Ampang dan Sungai Klang melalui satu terowong atau 'bypass tunnel' sebelum dialirkan semula ke Sungai Klang di sebelah hilirnya.

Di samping itu, sebahagian terowong terbabit yang panjangnya kira-kira tiga kilometer akan menggabungkan pengurusan tebatan banjir dan jalan raya. Bahagian ini bermula dari bulatan Kampung Pandan dan berakhir di Lebuhraya KL-Seremban di persimpangan Jalan Istana.

Ini dijangka mengurangkan kesesakan lalu lintas di pintu masuk ke Kuala Lumpur dari sebelah selatan. Contohnya, pengguna Lebuhraya KL-Seremban, Lebuhraya Persekutuan, Besraya dan East-West Link memasuki dan keluar dari pusat bandar raya Kuala Lumpur.

Projek SMART dijangka siap dalam tempoh empat tahun dan kerja pembinaannya sudah bermula sejak November 2002 lalu dan dijadualkan siap pada akhir 2006 ini.



**LANCAR: Penahan air sedang dibina di Kampung Berembang, Gombak.**

